NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' NORAINI BINTI AHMAD** **[PARIT SULONG]**
TARIKH	:	**19 OKTOBER 2015 (ISNIN)**
SOALAN	:	

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah khusus Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) yang ditubuhkan baru-baru ini dalam mengukuhkan kedudukan nilai ringgit dan mengembalikan keyakinan pelabur asing terhadap negara dalam suasana ketidaktentuan ekonomi global masa kini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa melaksanakan strategi pengukuhan ekonomi yang berterusan bagi memastikan asas ekonomi terus berdaya tahan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) bagi merangka langkah dan strategi yang bersesuaian untuk menangani kejatuhan nilai ringgit serta mengurangkan impak negatif ketidaktentuan-tentuan ekonomi ke atas kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Pada 14 September 2015 yang lepas, selaras dengan cadangan JKE, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan beberapa langkah pro-aktif.

Secara khususnya, bagi **menstabilkan pasaran kewangan**, Kerajaan telah mengumumkan untuk mengaktifkan semula Valuecap Sdn. Bhd. (ValueCAP) dengan dana sebanyak RM20 bilion. Ia bertujuan untuk mengambil peluang melabur dalam saham syarikat-syarikat Malaysia tersenarai di Bursa Malaysia yang mempunyai asas-asas perniagaan yang kukuh, tetapi mengalami penekanan harga saham masing-masing berikutan sentimen pasaran yang tidak menentu. Dana ini akan disuntik oleh pemegang-pemegang sahamnya sedia ada, iaitu Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Khazanah Nasional Berhad.

Di samping itu, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) digalakkan untuk menzahirkan keuntungan daripada pelaburan mereka di luar negara untuk dilaburkan di dalam negeri dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi. Syarikat swasta Malaysia juga digesa untuk mengambil langkah yang serupa.

Bagi **menyokong aktiviti perniagaan**, beberapa langkah telah diumumkan iaitu:

- Mempertingkatkan Skim Jaminan Modal Kerja untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selain daripada RM5 bilion jaminan yang telah disediakan bagi sektor perkhidmatan, jaminan tambahan sebanyak RM2 bilion akan disediakan bagi sektor-sektor lain;

- Memberi pengecualian duti import ke atas 90 baris tarif yang terdiri daripada alat ganti, bahan guna habis dan peralatan penyelidikan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan adalah khusus untuk sektor perkilangan. Ini merupakan tambahan kepada 319 baris tarif yang telah pun diberikan pengecualian duti import;

- Memberi peluang kepada PKS untuk menstruktur dan menjadualkan semula pinjaman perniagaan daripada institusi pembiaya atau melalui Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) di Bank Negara Malaysia, sekiranya perlu;

17

- Memperkukuhkan Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF) dengan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas bagi merancakkan pelaburan domestik dan asing di Malaysia. Dana ini bertujuan untuk mempercepatkan peralihan syarikat-syarikat domestik kepada industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi; dan

- Menggalakkan lagi sektor pelancongan, termasuk pelancongan kesihatan, dengan menambah peruntukan sebanyak RM80 juta bagi memperhebatkan aktiviti promosi di pasaran terpilih, seperti negara ASEAN, China dan India. Di samping itu, pengecualian visa kepada pelancong dari negara China yang masuk secara berkumpulan akan diberikan bermula 1 Oktober 2015 sehingga 31 Mac 2016. Pemberian visa juga akan dipermudahkan lagi kepada pelancong daripada negara pengunjung utama, dengan pengenalan sistem e-visa.

Untuk meningkatkan **kesejahteraan rakyat**, langkah berikut akan dilaksanakan:

- Menambahkan bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan, seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Menu 1Malaysia, Klinik 1Malaysa dan Kedai Buku 1Malaysia;

- Mempercepatkan pembinaan rumah-rumah mampu milik serta memberi peluang kepada 20,000 pasangan belia yang berkahwin untuk memiliki rumah pertama mereka di bawah Skim Perumahan

Belia. Di bawah skim ini, insentif sebanyak RM200 sebulan selama 2 tahun akan diberi kepada mereka yang layak bagi menampung ansuran bulanan pinjaman;

- Mempertingkatkan program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan kerjasama GLC dan sektor swasta; dan

- Memperluas dan dipertingkatkan lagi Penggunaan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) bagi melaksanakan program latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja yang diberhentikan oleh majikan yang berdaftar dengan HRDF.

Di samping itu, Kerajaan komited untuk meningkatkan integriti institusi bagi mengekalkan keyakinan rakyat, peniaga dan sentimen pelabur terhadap ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (14)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	19 OKTOBER 2015 [ISNIN]
DARIPADA	:	Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

SOALAN :-

Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan pembinaan unit rumah bagi Program Perumahan Rakyat di bandar-bandar utama di seluruh negara memandangkan keperluan memiliki rumah sendiri di kalangan rakyat jelata sangat penting ketika ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan atau pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah berdasarkan kepada keperluan kumpulan sasaran iaitu penduduk setinggan dan penduduk berpendapatan rendah terhadap rumah-rumah PPR berkenaan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), permintaan terhadap rumah PPR sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menambah PPR di seluruh negara tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan Persekutuan.